

Bersatu
Kita Teguh,
Bercerai
Kita Roboh




Nor Aisah Isnian

“Nabilah, bolehkah kamu mereka sebuah tarian etnik untuk Konsert Hari Keharmonian Kaum sekolah kita nanti?” tanya Cikgu Adilah ketika Nabilah sedang menghadiri kegiatan kokurikulumnya pada hari Isnin yang lalu.

Bagai bulan jatuh ke riba, Nabilah mengangguk-angguk tanda setuju. Dia tidak sabar untuk menunjukkan bakatnya dalam tarian. Dia pasti dia akan membuat gurunya bangga kelak.

“Cikgu, bolehkah saya mengajak Su Yin, Geeta, Atiqah dan Mira untuk sertai saya?” tanya Nabilah dengan semangat yang **berkobar-kobar**.



“Baiklah, kamu boleh pilih ahli kumpulan kamu dan mulakan latihan. Saya lantik kamu sebagai ketua. Nanti, kamu boleh mempersembahkan tarian kamu dalam sesi raptai nanti,” sambung Cikgu Adilah panjang lebar.

Nabilah mengangguk-angguk tanda setuju. Dia tidak sabar untuk memberitahu rakan-rakannya berita baik itu.

Pada hari Isnin berikutnya di bilik tarian, Nabilah berkongsi berita baik dengan rakan-rakannya. Mereka semua **teruja** dan tidak sabar untuk memulakan latihan.

“Cikgu, bolehkah saya mengajak Su Yin, Geeta, Atiqah dan Mira untuk sertai saya?” tanya Nabilah dengan semangat yang berkobar-kobar. “Tarian apakah yang harus kita persembahkan?” tanya Geeta.

“Sudah tentu tarian Melayu kerana tarian Melayu ada pelbagai jenis,” jawab Nabilah dengan yakin.


“Tiada bezanya dengan tarian India. Tarian India juga mempunyai sifat etnik yang sangat unik dan berwarna-warni,” jawab Geeta.

“Alah, tarian Cina juga merupakan tarian etnik,”

sampuk Su Yin pula.

“Tidak, kita semua akan menari tarian Melayu. Saya ketua kumpulan ini. Maka itu, saya yang beri kata putus,” jawab Nabilah dengan tegas.

Semua terdiam. Nabilah pun memulakan latihan. Dalam kesibukannya mengaturkan langkah tarian, dia tidak perasan bahawa setiap ahli kumpulannya kelihatan seperti acuh tidak acuh. Mereka tidak berlatih dengan bersungguh-sungguh.




Akhirnya, Nabilah terperasaan. Dia melihat ke arah setiap ahli dalam bilik tarian tersebut. Api kemarahan mula **membara**. Bahangnya dia halakan ke arah kedua orang rakannya yang mencabarnya tadi, Geeta dan Su Yin.

“Jika kamu berdua tidak berpuas hati dengan saya, kamu boleh keluar dari kumpulan ini,” **gertak** Nabilah dengan marah.



Merah muka Su Yin dan Geeta apabila dimarahi Nabilah. Mereka berasa sangat kecil hati dengan sikap Nabilah yang hidung tinggi itu.



Mereka bertiga mula bertengkar. Mira dan Atiqah terperanjat dan cuba untuk menenangkan keadaan tetapi gagal. Mereka pun pergi mendapatkan Cikgu Adilah.

“Cikgu! Kami memerlukan bantuan Cikgu. Nabilah, Su Yin dan Geeta sedang bertengkar di bilik tarian,” Mira memanggil Cikgu Adilah di kantin.

Apabila mereka sampai di bilik tarian, mereka terperanjat. Nabilah, Su Yin dan Geeta sedang menjerit-jerit tanpa menghiraukan sesiapa.

“Semua berhenti sekarang!” suara lantang Cikgu Adilah memecahkan **ketegangan** dalam bilik tarian itu.

Masing-masing terdiam. Air mata deras mengalir di pipi Su Yin, Nabilah dan Geeta. Masing-masing sedang menahan kemarahan.

“Apakah masalah awak sebenarnya?” tanya Cikgu Adilah.

“Nabilah bukan seorang ketua yang baik. Dia terlalu memaksa,” **rungut** Su Yin.

“Ya, dia memaksa kami menari tarian Melayu sebagai persembahan etnik kami sedangkan kami juga ada tarian kebudayaan sendiri,” tambah Geeta.

“Hmm...nampaknya terdapat sedikit salah faham antara kamu bertiga,” kata Cikgu Adilah.

Cikgu Adilah terpandang seikat cangkil lidi di atas meja. Dia mengambil lidi tersebut lalu duduk di tengah-tengah bilik.

“Mari duduk dekat dengan Cikgu,” Cikgu Adilah mengajak Nabilah dan rakan-rakannya untuk duduk bersama-samanya.



Dia mengambil sebatang lidi dan berikan kepada setiap seorang muridnya.

“Cuba patahkan lidi itu,” arahnya.

Setiap murid mematahkan lidi masing-masing dengan senang.

“Sekarang, cuba patahkan lidi-lidi ini,” Cikgu Adilah menghulurkan seikat cangkil lidi kepada mereka. Masing-masing mengambil giliran untuk mematahkan lidi-lidi tersebut namun tiada siapa yang dapat melakukannya.




“Begitulah dengan kamu semua. Jika kamu melakukan sesuatu tugas sendirian, kamu pasti akan rasa tertekan dan mudah putus asa apabila kamu menghadapi cabaran. Namun, jika kamu bekerjasama, Cikgu pasti kamu semua akan berjaya. Bak kata pepatah, bersatu kita **teguh**, bercerai kita roboh. Cuba kamu duduk berbincang dan fikirkan cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini,” nasihat Cikgu Adilah panjang lebar.

“Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya. Sebelum mula perbincangan, cuba tenangkan diri

dan minta maaf daripada satu sama lain. Mulakan sekarang," nasihat Cikgu Adilah.

Masing-masing terdiam.

Nabilah melihat ke arah Su Yin dan Geeta. Dia pun menghulurkan tangannya lalu berjabat tangan dengan kedua-dua kawannya.



"Saya minta maaf, Su Yin, Geeta,"

kata Nabilah.

Takungan air jelas di matanya. Begitu dengan Su Yin dan Geeta. Masing-masing berasa bersalah.

Mereka pun berpelukan dan berbaik semula. Kini, mereka mempunyai masalah yang perlu diselesaikan. Mereka pun mula berbincang. Akhirnya, mereka mencapai kata putus.

Semasa konsert berlangsung, Nabilah dan rakan-rakannya telah membuat satu kejutan.

Mereka telah **menggabungkan** tarian Melayu, Cina dan India dalam persembahan mereka. Persembahan mereka sungguh unik. Semua orang yang berada di situ termasuk Cikgu Adilah kagum akan persembahan mereka. Selepas persembahan, mereka pergi mendapatkan Cikgu Adilah. Cikgu Adilah tersenyum bangga.



“Syabas,kamu semua. Cikgu bangga dengan usaha kamu untuk **melestarikan** budaya masing-masing dalam persembahan kamu yang unik ini. Cikgu pasti satu sekolah telah terhibur dengan persembahan kamu itu,” puji Cikgu Adilah.

Nabilah dan rakan-rakannya tersenyum gembira.



Glosari

berkobar–kobar	bernyala-nyala
teruja	timbul minat, naik semangat
sampuk	celah
membara	meluap-luap
gertak	ugut
ketegangan	kegentingan
rungut	gerutu, omel, sungut
teguh	kukuh
menggabungkan	menyatukan
melestarikan	mengekalkan





Trivia

Tahukah kamu mengapa kita menyambut Hari Keharmonian Kaum pada 21 Julai setiap tahun? Ini berlandaskan rusuhan kaum yang berlaku di antara kaum Cina dan kaum Melayu pada 21 Julai 1964 semasa sambutan Maulidur Rasul di mana 23 orang mati terbunuh dan 454 orang tercedera.



Aktiviti Bersama Keluarga

Cuba belajar satu jenis tarian Melayu daripada salah seorang ahli keluarga kamu. Kamu boleh lukiskan atau membuat video tentang pengalaman kamu.

